

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Pengajian secara jarak jauh bukanlah satu bentuk pengajian yang baru. Inovasi yang berlaku dalam dunia pendidikan telah membolehkan proses pembelajaran berlaku tanpa memerlukan kedua-dua pihak, iaitu pelajar dan pengajar berada di satu tempat dalam satu masa dan saling berbicara secara bertatap muka. Ini juga adalah satu-satunya kaedah pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk merancang pembelajaran mereka tanpa perlu meninggalkan pekerjaan, keluarga mahupun tanggungjawab-tanggungjawab sosial yang lain. Dengan itu mereka dapat memenuhi tuntutan untuk memajukan diri dengan cara menambah ilmu, memperolehi sijil dan seterusnya memperbaiki taraf hidup.

Sebelum dikenali sebagai pengajian jarak jauh, sistem pembelajaran ini lebih dikenali sebagai pengajian luar kampus, belajar secara gaya pos, pendidikan berterusan dan sebagainya. Walau apa juga nama diberikan, konsep pengajiannya adalah sama iaitu pelajar boleh berada di mana-mana sahaja tanpa perlu berada di kampus pengajian sebagaimana pelajar di pengajian sepenuh masa. Pelajar jarak jauh ini dibekalkan dengan bahan pembelajaran

yang mencukupi di samping perlu mematuhi keseluruhan peraturan dan sistem pengajian yang telah disusun oleh pihak institusi di mana mereka belajar.

Di samping itu pelajar juga dapat merencanakan pembelajaran mereka mengikut kemampuan khususnya berkaitan dengan kos pengajian dan jangka masa pengajian. Inilah satu kelebihan pengajian jarak jauh berbanding sistem pengajian sepenuh masa. Pelajar boleh membuat perancangan yang lebih teliti khususnya merencanakan waktu pembelajaran di samping menguruskan keluarga dan tugas di tempat kerja. Cuma apa yang diperlukan ialah kebijaksanaan dalam aspek pengurusan dan tahu mendahulukan keutamaan untuk memastikan segala apa yang dicitakan tercapai tanpa mengabaikan kepentingan-kepentingan yang lain. Pada kebiasaannya, pelajar yang memohon untuk mengikuti pengajian jarak jauh telah maklum dengan tuntutan dan tanggungjawab yang harus dihadapi sebagai pelajar pengajian ini. Komitmen yang harus diberikan amat besar jika mereka benar-benar ingin berjaya. Mengikuti pengajian secara jarak jauh memerlukan seseorang itu bersemangat kental kerana cabaran yang harus ditempuh terlalu besar khususnya berkait dengan faktor kewangan dan faktor masa terutamanya di saat menghadapi musim peperiksaan dan sebagainya.

Walau apapun, pengajian jarak jauh telah mampu menyediakan lebih peluang pengajian kepada mereka yang ingin menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Dalam waktu yang sama pengajian ini telah dapat

membantu negara melahirkan pekerja yang lebih berilmu dan dapat memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan negara.

Salah satu daripada elemen penting menentukan kejayaan pembelajaran jarak jauh adalah bahan-bahan pengajaran yang disediakan. Pelbagai media digunakan untuk memastikan bahawa bahan pengajaran disampaikan kepada pelajar dengan berkesan sekali. Kepelbagaian media dimanfaatkan oleh tenaga pengajar demi memastikan kejayaan pelajar. Sesungguhnya pelajar jarak jauh benar-benar bergantung kepada bahan-bahan pengajaran yang berkualiti untuk membimbing mereka memahami pelajaran. Keegan (1980) menyatakan, "Pada asasnya pengajaran dan pembelajaran dalam pengajian jarak jauh menggunakan empat kategori media iaitu bahan-bahan bercetak, audio, video dan komputer."

Buku teks juga tergolong dalam kategori bahan bercetak dan begitu popular digunakan dalam sistem pengajian ini. Penulisan buku untuk pelajar-pelajar jarak jauh mempunyai ciri-ciri yang tersendiri kerana pengisiannya yang berbentuk sendiri (*self instructional format*) dan dalam bentuk yang sangat memberansangkan (*stimulating*). Penulisan buku teks ini bersesuaian dengan situasi pelajar yang belajar bersendirian dan jauh daripada bimbingan pensyarah.

Buku teks telah menjadi bahan pengajaran utama pengajian jarak jauh di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia (USM). Sebagai bahan pengajaran utama untuk lebih 4000 orang pelajar di seluruh tanah air, pusat pengajian ini telah memberi tumpuan sepenuhnya kepada usaha penerbitan buku teks yang telah dimulakan sejak tahun 1983 lagi. Sebagai universiti terulung di negara kita yang diberi mandat menawarkan Ijazah Pertama melalui pengajian secara jarak jauh di bawah PPPJJ usaha untuk menerbitkan buku teks sememangnya wajar diberi perhatian kerana pusat pengajian ini memiliki lebih daripada 500 judul modul yang sedia untuk diterbitkan sekiranya dikemaskini dan melalui prosedur-prosedur penerbitan seperti yang telah ditetapkan oleh pusat pengajian.

Penawaran pengajian jarak jauh di Universiti Sains Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai pengajian luar kampus telah bermula pada tahun 1971. Universiti ini telah memperkenalkan satu sistem pengajian yang boleh diikuti tanpa seseorang itu perlu meninggalkan pekerjaan mereka. Sepanjang 34 tahun beroperasi PPPJJ telah melalui pelbagai perkembangan dan perubahan khususnya dari aspek sistem pengajian, bidang pengajian yang ditawarkan dan juga media pengajaran yang digunakan.

Sejarah penerbitan di PPPJJ bermula awal dengan penulisan nota kuliah dan kemudiannya penulisan modul. Modul digunakan sebagai teks pembelajaran pada 10 tahun pertama PPPJJ beroperasi. Bermula pada tahun 1983, tumpuan

telah diberikan kepada penerbitan Siri Modul-Edisi Awal yang diterbitkan oleh Penerbit USM untuk Pusat Pengajian Luar Kampus (nama pada ketika itu). Usaha memantapkan lagi penerbitan di pusat pengajian ini diteruskan dengan terbitnya buku teks yang diberi nama Siri Pendidikan Jarak Jauh hasil kerjasama penerbitan dengan dua buah penerbit terkemuka tempatan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Utusan Publications & Distributors (UP&D). Ternyata PPPJJ telah melalui pengalaman yang panjang dalam proses penerbitan buku dan inisiatif ini tidak akan terhenti setakat itu saja malah pusat pengajian sentiasa memperbaiki kualiti buku teks ini agar pelajar benar-benar mendapat manfaat daripada buku teks yang dihasilkan.

Untuk membolehkan PPPJJ berupaya menjayakan program penerbitan, kerjasama yang padu diperlukan daripada semua kategori staf yang terlibat dalam bidang ini. Ini termasuklah penulis, penyunting, pereka pengajaran, pembaca prof, pereka grafik dan jurutaip yang bertanggungjawab merealisasikan manuskrip menjadi sebuah buku yang layak dijadikan bahan bacaan akademik pelajar bukan saja untuk pelajar jarak jauh malah pelajar di pengajian sepenuh masa.

PPPJJ mempunyai bahan pengajaran yang mantap untuk ditawarkan kepada pelajar dan mereka yang berminat untuk meneruskan pengajian. Ijazah yang ditawarkan diperakui dan siswazah yang dilahirkan berkualiti dan mampu

meneruskan tugas dengan lebih berkesan. Di negara ini institusi ini sering menjadi contoh bagi IPTA-IPTA yang lain.

Pengkaji percaya bahawa PPPJJ telah begitu matang dalam menghasilkan bahan utama pengajaran jarak jauh ini. Usaha yang telah ditunjukkan bagi setiap proses penerbitan yang dibuat atas jalinan kerjasama telah jelas membuahkan hasil. Meskipun PPPJJ sendiri bukanlah sebuah badan penerbit malah jauh sekali mempunyai pengalaman dalam bidang ini, namun usaha dan minat yang ditunjukkan di atas rasa tanggungjawab terhadap menentukan kejayaan pelajar telah membawa kejayaan pada hari ini apabila dapat menghasilkan hampir 100 judul buku teks serta masih meneruskan program penerbitan bagi modul-modul yang layak untuk diterbitkan.

## **1.2 Pemasalahan Kajian**

Dunia pendidikan semakin mencabar dengan adanya satu corak pengajian yang mengizinkan pembelajaran berlaku tanpa menemukan pelajar dan pengajar.

- Namun apa yang menjadi perhatian ialah apakah media yang dapat digunakan yang dapat melaksanakan proses pendidikan dengan jayanya. Cabaran menyediakan bahan pembelajaran walau dalam apa juga media yang dipilih digalas oleh kesemua yang terlibat dalam sistem pengajian ini.

Seiring dengan perkembangan penggunaan teknologi moden dalam pengajaran jarak jauh, tidak siapa menafikan buku juga adalah satu medium penyampaian ilmu yang sangat berkesan. Buku mempunyai kriteria-kriteria yang tersendiri berbanding teknologi elektronik lain yang lebih moden. Salah satu daripadanya ialah buku boleh dibawa ke mana juga dan mudah diulang kaji mengikut kesesuaian masa dan tempat. Bagi seorang pelajar jarak jauh yang mempunyai jadual harian yang cukup ketat bukan saja sebagai pelajar malah sebagai pekerja, buku boleh di bawa ke mana saja dan boleh diulang kaji mengikut kesempatan masa dan tempat yang bersesuaian. Kriteria ini sudah pasti tidak dapat dilaksanakan oleh media elektronik lain seperti televisyen dan komputer. Namun begitu para penulis buku cukup peka dengan perkembangan dunia teknologi terkini lantas memperalatkan kemajuan teknologi dalam proses penerbitan buku seperti melalui penggunaan perisian terkini dan sebagainya. Malah lebih daripada itu penulis juga turut mengembangkan penggunaan media pengajaran kerana selain daripada penulisan buku teks mereka turut menyediakan bahan-bahan multimedia yang lain seperti pita audio, pita video, cakera padat dan sebagainya.

Kaedah pengajaran inilah yang telah digunakan oleh PPPJJ. Buku teks menjadi bahan pengajaran utama bagi pusat pengajian yang telah menjalankan tanggungjawab pendidikannya selama 34 tahun. Kejayaan yang ditunjukkan oleh pusat pengajian ini dapat dilihat daripada kelahiran lebih 10,000 graduan dalam pelbagai bidang yang memperolehi ijazah seiring dengan pengalaman mereka

dalam tugas masing-masing. Di samping menggunakan buku teks, media pengajaran lain turut disediakan seperti audio kaset, pita video, cakera padat dan laman web namun buku teks tetap menjadi bahan utama yang disediakan untuk pelajar. Namun mempelbagaikan penggunaan media sememangnya digalakkan oleh pusat pengajian kerana tidak dinafikan kepelbagaian media dapat meningkatkan kefahaman pelajar dalam kursus-kursus tertentu.

Penyediaan untuk menerbitkan buku tidak dapat dilakukan dalam jangka masa yang singkat. Malah perancangan penerbitan dibuat sebelum sesuatu kursus mula ditawarkan. Menerbitkan sesebuah buku selalunya mengambil masa yang lama kerana terpaksa melalui pelbagai proses khususnya prosedur-prosedur tertentu yang telah ditetapkan oleh pusat pengajian. Perkara ini juga menjadi satu situasi yang lazim bagi mana-mana penerbit. Di PPPJJ, keperluan yang mendesak terhadap penerbitan buku yang menjadi bahan bacaan utama pelajar merupakan satu cabaran yang besar bagi kumpulan kerja penerbitan. Faktor '*deadline*' menjadi hambatan utama kepada penulis, editor, pengurus kursus mahupun pelajar yang bergantung kepada bahan pengajaran utama ini. Di pusat pengajian ini juga, kalendar perancangan tahunan yang disediakan setiap permulaan sidang akademik akan dijadikan sebagai garis panduan untuk menjadualkan penerbitan supaya bahan dapat diedar kepada pelajar mengikut tempoh yang ditetapkan. Setiap tahun edaran bahan akan dilakukan pada bulan Mei kerana pengajaran melalui telesidang akan bermula setiap bulan Jun.



Pengkaji berpendapat institusi ini telah memainkan peranan yang sangat besar kepada pembangunan pendidikan negara. Siswazah pengajian jarak jauh mempunyai kelebihan berbanding pelajar sepenuh masa kerana mereka telah berjaya menamatkan pengajian sekaligus mempunyai pengalaman-pengalaman kerja yang mereka tempuh sepanjang pengajian mereka. Dengan ijazah yang telah diperoleh mereka telah dapat memberi sumbangan yang lebih besar kepada organisasi tempat mereka bertugas. Malah lebih daripada itu ada juga yang telah menjadi tokoh politik seperti Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ali Rustam yang merupakan bekas penuntut pusat pengajian ini. Bidang-bidang lain yang telah diceburi oleh graduan-graduan jarak jauh ialah bidang pendidikan, pengurusan bank dan pekerjaan profesional yang lain.

PPPJJ mempunyai bahan pengajaran yang mantap untuk ditawarkan kepada pelajar dan mereka yang berminat untuk meneruskan pengajian. Ijazah yang ditawarkan diperakui dan siswazah yang dilahirkan berkualiti dan mampu meneruskan tugas dengan lebih berkesan. Di negara ini institusi ini sering menjadi contoh bagi IPTA-IPTA yang lain yang menawarkan sistem pengajian yang sama.

Sehingga kini belum lagi ada kajian yang terperinci mengumpul data-data berkenaan penerbitan bahan-bahan pembelajaran yang telah dihasilkan oleh pusat pengajian ini. Kejayaan menghasilkan siswazah-siswazah bermutu sangat bergantung kepada media pengajarannya iaitu bahan-bahan pembelajaran yang

disediakan dalam bentuk buku. Dengan terhasilnya kajian ini, penulis menjangkakan satu lagi penulisan penting dapat dihasilkan khususnya berkaitan dengan sebuah institusi yang menjadikan buku sebagai media pengajaran utama dalam ia melaksanakan program pendidikannya. Kejayaan institusi ini melahirkan siswazah setiap tahun serta memberi ruang pula untuk siswazahnya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi melalui program-program ijazah tinggi yang ditawarkan memberi sumbangan yang besar kepada dunia pendidikan tinggi dalam negara. Penerbitan buku di PPPJJ umpama nadi penggerak kepada keseluruhan sistem pengajian dan kejayaan penerbitan di sini harus diperakui selaras dengan kejayaan institusi ini melahirkan graduan-graduan yang bakal memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara.

Pengkaji akan cuba membuat tinjauan terhadap pengalaman-pengalaman yang telah dilalui oleh PPPJJ dalam kesemua aspek penerbitan iaitu merangkumi proses penerbitan, peranan pentadbiran dan tenaga-tenaga kerja dalam penerbitan. Di samping itu turut akan ditinjau ialah permasalahan dalam penerbitan dan perancangan penerbitan untuk masa-masa akan datang.

### **1.3 Objektif kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- (i) untuk meninjau pengalaman yang telah dilalui oleh PPPJJ dalam dunia penerbitan buku teks. Pusat pengajian ini telah melalui pengalaman

selama 22 tahun untuk memperbanyakkan jumlah penerbitan buku merangkumi pelbagai bidang. Penulis akan mengkaji perjalanan yang dilalui oleh PPPJJ dalam menghasilkan siri ini.

- (ii) untuk meninjau keseluruhan proses penerbitan buku Siri Pendidikan Jarak Jauh yang merupakan buku teks asas yang digunakan oleh pelajar jarak jauh USM di seluruh tanah air. Keseluruhan proses yang dimaksudkan bermula daripada penyediaan manuskrip sehinggalah ke tahap sebuah judul dapat diterbitkan dan menjadi bahan pembacaan kepada pelajar. Dalam proses ini, tinjauan juga merangkumi aspek prosedur kerja, sumber tenaga, proses penerbitan, teknologi serta aspek kos dan pemasaran siri ini.
- (iii) untuk meninjau permasalahan yang dihadapi oleh PPPJJ dalam menjayakan penerbitan siri ini. Di samping itu penulis akan cuba memberikan cadangan-cadangan penambahbaikan agar hasrat PPPJJ mempertingkatkan bilangan dan kualiti penerbitan siri ini dapat dilakukan dengan jayanya.

#### **1.4 Tujuan dan Kepentingan Kajian**

Seperti yang dinyatakan sejak awal Universiti Sains Malaysia adalah universiti terulung yang menawarkan ijazah melalui sistem pengajian jarak jauh. Setelah

34 tahun menjalankan tanggungjawab pendidikan, tidak dinafikan institusi ini telah melahirkan ramai graduan dengan jayanya yang telah memberi sumbangan kepada negara.

Kajian ini adalah berkenaan aspek penerbitan buku teks yang dinamakan Siri Pendidikan Jarak Jauh. Penerbitan siri ini sangat penting dan merupakan nadi penggerak kepada kejayaan keseluruhan proses pengajian ini. Seandainya tidak ada satu bahan pengajaran yang mantap, tidak mungkin proses pengajaran dapat dijalankan dengan jayanya. Tambahan pula institusi ini menangani jumlah pelajar yang besar dan kegagalan institusi menyediakan bahan pembelajaran yang mantap akan memberi kesan negatif kepada institusi.

Kajian ini akan dapat mengumpul maklumat penting tentang keseluruhan proses penerbitan buku Siri Pendidikan Jarak Jauh. Sudah pasti maklumat ini akan memberi kepentingan kepada mereka yang terlibat dengan dengan aspek penerbitan buku khususnya berkaitan dengan pengajian jarak jauh. Melalui kajian ini pembaca akan dapat melihat pencapaian PPPJJ dalam pelaksanaan program penerbitan di samping mengetahui bagaimana penerbitan buku teks ini berjaya memainkan peranan kepada kejayaan program pendidikan jarak jauh, USM. Kejayaan menghasilkan lebih 10,000 orang graduan dengan menggunakan buku teks sebagai bahan pengajaran utama adalah satu penanda bahawa program penerbitan buku teks di PPPJJ telah memberi sumbangan yang besar kepada kejayaan pendidikan jarak jauh ini.

## 1.5 Metodologi Penyelidikan

Tujuan sesuatu kajian adalah untuk mengumpul data secara terperinci dengan menggunakan kaedah yang betul. Untuk kajian ini, kaedah penyelidikan yang dilakukan ialah melalui kaedah penyertaan, pemerhatian dan penilaian. Kajian secara '*in-depth research*' ini akan memerlukan penulis berada di PPPJJ, USM bagi mengumpul data secara menyertai, mendalami dan mengkaji dari sudut persejaraan dan perkembangan terkini tentang tajuk yang dikaji. Pengkaji merupakan salah seorang staf di pusat pengajian ini dan terlibat sepenuhnya dengan penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh.

Pengkaji telah bertugas di PPPJJ sejak tahun 1986 hingga kini (19 tahun). Penglibatan pengkaji adalah dalam keseluruhan penerbitan buku teks di sini dengan memikul tanggungjawab sebagai penyelaras penerbitan buku teks di bawah senarai tugas sebagai Pegawai Penerbitan. Pengkaji telah turut serta dalam semua aktiviti perancangan dan pelaksanaan program penerbitan PPPJJ. Pengkaji turut berperanan dalam sesi-sesi perbincangan dan mesyuarat yang telah diadakan untuk melaksanakan kesemua program penerbitan. Kesemua pengalaman ini telah dirujuk semula untuk tujuan penulisan kajian ini. Di samping menggunakan pengalaman yang ada pengkaji juga sentiasa berhubung dengan staf PPPJJ di semua peringkat untuk memperolehi data terkini yang diperlukan.

Pengkaji telah mengunjungi PPPJJ dari masa ke masa untuk mendapatkan maklumat. Proses perolehan maklumat dilakukan mengikut keperluan kajian. Contohnya pengkaji perlu membuka fail Projek Penerbitan Bersama DBP/USM tahun 1994 untuk mengkaji aspek-aspek tentang perancangan judul, pelaksanaan, program-program latihan dan prosedur-prosedur penerbitan. Pengkaji tidak menetapkan tarikh-tarikh tertentu untuk berada di PPPJJ kerana proses pengumpulan maklumat dan penulisan telah dilakukan secara berterusan sepanjang kajian ini dijalankan dan disiapkan.

Dalam menjalankan kajian ini temubual secara tidak berstruktur telah dilakukan dan pengumpulan maklumat adalah daripada sumber-sumber yang mempunyai maklumat melalui pengalaman mereka. Sumber-sumber yang dimaksudkan ialah staf yang terlibat dengan pengurusan penerbitan buku seperti Timbalan Dekan Bahagian Pengeluaran sebagai ketua bahagian yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan perancangan penerbitan bahan-bahan pengajaran khususnya buku. Pengumpulan maklumat turut diperolehi daripada Pegawai Penerbitan, Pembantu Tadbir, Pembantu Percetakan juga Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) yang bertindak sebagai Komposer iaitu mereka bentuk buku dari kulit ke kulit. Pengkaji mendapatkan maklumat daripada sumber yang bertepatan yang dijangka boleh memberikan maklumat dengan tepat. Contohnya maklumat tentang data jumlah pelajar terkini diperolehi daripada Pembantu Tadbir yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal pelajar jarak jauh. Temubual dan perolehan dilakukan dari masa ke masa seiring dengan penulisan kajian ini.

Dalam penyelidikan sains sosial, kaedah pemerhatian dan penyertaan merupakan antara kaedah awal yang berbentuk 'semulajadi' di mana proses pengumpulan maklumat diperolehi melalui pengamatan, penyertaan dan pengalaman pengkaji. Seseorang penyelidik yang mempunyai pengalaman dengan tajuk yang dikaji akan memudahkan lagi pengumpulan data dibuat.

Kesimpulannya kajian yang akan dijalankan ini lebih bersifat kualitatif. Tidak ketinggalan maklumat-maklumat turut diperolehi daripada data sekunder seperti kajian perpustakaan, laporan-laporan rasmi berkaitan perkembangan pusat pengajian seperti buletin PPPJJ (buletin Pelapor), Berita Intensif (terbitan PPPJJ semasa minggu intensif) dan brosur PPPJJ yang penerbitannya berubah mengikut keperluan. Di samping itu ada banyak maklumat yang memerlukan penulis menyemak fail-fail lama seperti keputusan-keputusan dalam minit-minit mesyuarat pentabiran pusat pengajian, mesyuarat bulanan Bahagian Pengeluaran, serta laporan-laporan yang dibentangkan dalam perbincangan-perbincangan yang telah dijalankan dari masa ke masa.

#### **1.6 Teori Penyelidikan : Teori Interaksi dan Komunikasi / Teori Didaktik Holmberg**

Kajian ini akan menggunakan teori yang dikemukakan oleh Holmberg (1988) yang menghubungkan satu bentuk komunikasi tersendiri yang dialami oleh pelajar-pelajar jarak jauh dalam proses pembelajaran mereka. Beliau telah

mengemukakan pendekatan tentang pendidikan jarak jauh sebagai satu bentuk perhubungan didaktik terancang. Perhubungan didaktik bermaksud satu bentuk komunikasi yang 'mengajar' antara pengajar dan pelajar jarak jauh yang disalurkan melalui bahan-bahan pembelajaran jarak jauh yang disediakan. Menurut beliau pendekatan yang dimaksudkan adalah berasaskan tujuh postulasi iaitu :

- (i) Perasaan hubungan peribadi antara mereka yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran memberikan kepuasan belajar dan motivasi.
- (ii) Perasaan tersebut boleh dibantu dengan bahan pembelajaran sendiri yang sangat 'baik' dan komunikasi dua hala secara jarak jauh.
- (iii) Kepuasan intelektual dan motivasi belajar menyokong pencapaian matlamat belajar dan penggunaan proses dan kaedah pembelajaran yang sesuai.
- (iv) Kaedah persekitaran, bahasa dan konvensyen perhubungan yang baik memberikan perasaan perhubungan peribadi seperti dalam postulasi satu.
- (v) Pesanan yang diberikan dan yang diterima dalam bentuk 'pertuturan' adalah mudah di fahami dan diikuti.
- (vi) Konsep perhubungan boleh diterjemahkan untuk digunakan oleh media yang tersedia untuk pengajian jarak jauh.



- (vii) Perancangan dan bimbingan, sama ada disediakan oleh organisasi dan pelajar, adalah perlu untuk pembelajaran yang terancang. Yang dicirikan oleh konsep matlamat yang eksplisit atau implisit.

Pengkaji dapat merumuskan ketujuh-tujuh postulasi di atas sebagai satu petunjuk bagaimana satu media yang baik dan berkesan dapat menjadi pemangkin kepada satu perhubungan pembelajaran yang sangat berkesan antara pengajar/penulis dengan pelajar. Perhubungan yang berkesan ini meliputi tahap kefahaman yang tinggi, keserasian dan keselesaan pelajar dengan bahan pembelajaran serta bimbingan berbentuk positif antara pengajar kepada pelajar yang akhirnya akan membuahkan hasil yang positif melalui binaan keserasian kedua-dua pihak melalui perantaraan media ini.

Satu pencirian yang sangat nyata terdapat dalam buku Siri Pendidikan Jarak Jauh ialah sifat-sifat pembelajaran sendiri. Sebagai sebuah buku yang menjadi perantara bagi pengajar dan pelajar sudah tentulah pengisiannya akan mendekatkan kedua-dua pihak dalam satu cara yang sangat terancang. Penulis akan membuat pelajar merasa "tidak bersendirian" ketika mengulang kaji kerana penulis mempunyai cara yang begitu "mesra" terhadap pelajarnya. Sentiasa mengulang fakta-fakta penting, bertanya kefahaman pelajar, meminta pelajar berehat seketika, meminta pelajar menulis fakta penting sebelum maju ke topik berikutnya dan pelbagai cara lagi. Itu adalah antara pencirian penulisan buku berbentuk sendiri yang diasaskan semasa penulisan modul lagi.

Hamzah, D. *et al* (1986) telah memberi takrifan modul sebagai,

Teks terancang yang mempunyai kandungan pelajaran untuk sesuatu kursus yang dirasakan lengkap dan mempunyai unsur-unsur pedagogi. Secara ringkasnya ia ditulis begini :

Modul = teks biasa + gaya penulisan yang aktif + unsur-unsur pedagogi.

Ciri-ciri modul adalah seperti berikut :

- (i) berinteraksi
- (ii) gaya penulisan yang personal
- (iii) menggunakan bahasa yang aktif
- (iv) mempunyai unsur-unsur pedagogi.

Ini lah yang menjadi amalan dan pencirian buku teks yang dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah pengajian jarak jauh USM ini. Aspek komunikasi berkesan dititikberatkan dalam penulisan dan kefahaman pelajar terhadap media ini memberi kesan dalam pencapaian mereka dalam pembelajaran.

Teori yang dikemukakan oleh Holmberg memberi penekanan bagaimana pengajaran jarak jauh dipermudahkan melalui komunikasi berkesan secara penulisan yang mementingkan keselesaan pelajar dan penyampaian ilmu pengetahuan dengan kaedah yang berkesan.

Ternyata teori ini telah awal lagi dimanfaatkan oleh para penulis buku pengajaran jauh yang sejak awal menyedari bahawa media inilah penghubung penting kedua-dua pihak dan penulisannya harus mengutamakan kefahaman pelajar. Menurut Md Noor (2002), ciri-ciri perhubungan didaktik terbimbing seperti yang telah disarankan oleh Holmberg boleh dikatakan sebagai,

- (i) Mudah memahami bahan pembelajaran; jelas, bahasa percakapan, mudah dibaca, kandungan maklumat yang tidak terlalu padat.
- (ii) Cadangan dan nasihat yang jelas kepada pelajar apa yang perlu dibuat dan yang patut dihindari, apa yang perlu diberi perhatian dan pertimbangan, dengan alasan diberikan.
- (iii) Mengundang pertukaran pendapat, menyoal, pertimbangan apa yang boleh diterima dan yang patut dibuang.
- (iv) Percubaan untuk mengikut sertakan pelajar secara emosi. Oleh itu mereka akan memberikan minat terhadap subjek dan juga masalahnya.
- (v) Gaya peribadi

Dengan itu melalui pencirian perhubungan didaktik ini akan membina satu perhubungan peribadi antara pelajar dengan organisasi tempat mereka memperoleh ilmu dan seterusnya ijazah sebagai penanda kejayaan.

Kekuatan yang ada pada penulisan modul sendiri yang kemudiannya diterbitkan sebagai Siri Pendidikan Jarak Jauh boleh dinilai daripada kejayaan program pengajian ini yang berjaya melahirkan ribuan graduan pelbagai bidang pengajian. Tanpa kekuatan bahan pembelajaran utama ini tidak akan memungkinkan pembelajaran secara jarak jauh, Universiti Sains Malaysia dapat dilaksanakan.

## **1.6 Tinjauan Penulisan**

John F. Baker, Pengarah Editorial majalah *Publishers Weekly* ada menyatakan, "Orang luar melihat industri perbukuan masih kabur dan akan berkubur dengan adanya masalah penggabungan syarikat, perolehan dan pengambil alihan

syarikat dan masalah pembuangan pekerja.” (Albert N Greco, 1982). Kenyataan ini bukan saja menakutkan malah memberi persepsi yang amat negatif terhadap industri perbukuan. Apakah kenyataan itu benar. Adakah sesungguhnya bahawa industri buku kian malap dan tidak akan menjadi satu industri yang memberi pulangan ekonomi kepada sesiapa saja yang terlibat dengan industri ini. Dalam tahun 1960-an, McLuhann juga pernah meramalkan bahawa “buku sebagai medium komunikasi akan mati.” Namun ternyata kenyataan itu ternyata tidak benar. Biarpun media elektronik dan internet kian bercambah, industri buku tetap berkembang dan mempunyai peranannya yang tersendiri dalam penyebaran ilmu yang diperlukan oleh manusia. Jika diperhatikan banyak bezanya media cetak khususnya buku dibandingkan dengan media moden yang sangat dibanggakan kini. Yang jelas buku merupakan satu usaha budaya yang sangat dinamik dan sifatnya yang mampu kekal dalam jangka waktu yang lama. Sesuatu yang pasti menulis dan menerbitkan buku merupakan satu pengiktirafan yang sangat tinggi kepada penulisnya kerana ilmu yang dilahirkan dan disebarkan sangat bermakna dalam usaha melahirkan masyarakat berbudaya dan bertamadun. Minowa dalam bukunya *Book Publishing in the Society Context* menyatakan, terdapat kaitan rapat antara kemajuan industri penerbitan dengan perkembangan ekonomi di negara-negara maju, bermaksud, kemajuan ekonomi dan kemajuan penerbitan berkembang seiring dan saling mempengaruhi antara satu sama lain (Hamedi, 2002).

Di Malaysia kenyataan berkaitan purata kadar membaca di negara kita yang dikatakan hanya dua buah buku setahun tidak akan kekal sebegitu kerana sejak akhir-akhir ini terdapat satu trend membaca di kalangan masyarakat di tempat-tempat umum. Penerbit novel popular, Alaf 21 telah membina satu trend kegilaan membaca novel-novel terbitan mereka dengan pencapaian jumlah cetakan ke angka 80,000 cetakan bagi satu judul novel popular. Ini disokong pula dengan faktor lahirnya penulis-penulis yang berbakat dan mampu melahirkan novel-novel yang bermutu. Nama-nama seperti Norhayati Berahim, Fauziah Ashaari, Sri Diah adalah antara nama-nama penulis yang berkaliber dan dinanti-nantikan hasil penulisan mereka. Trend membaca novel kini juga dapat dilihat di tempat-tempat awam seperti di perhentian bas, di dalam tren, atau ketika menunggu seseorang di tempat pertemuan. Ternyata keadaan ini mencetus minat bagi penerbit-penerbit lain yang turut berminat menerbitkan novel-novel popular yang dihiasi dengan ilustrasi-ilustrasi yang cantik dan menarik pembaca.

Pengkaji bersama rakan-rakan telah membuat kajian terhadap penerbit Alaf-21 yang telah berjaya sebagai sebuah penerbit karya kreatif yang bukan saja berjaya menerbitkan lebih 80 judul sejak syarikat ini beroperasi pada tahun 1996 tetapi telah membina satu trend pembacaan yang menguasai bukan saja dari kalangan remaja malah golongan dewasa yang telah lama meninggalkan alam pembacaan. Menurut Pengurus Besar Alaf 21, En. Norden Mohamed, kenyataan itu sememangnya sangat memberansangkan malah beliau

dimaklumkan oleh beberapa pengedar bahawa kegilaan membaca novel Melayu ini dikatakan telah menjejaskan pembacaan novel berbahasa Inggeris dan tidak mengejutkan apabila golongan pembaca novel ini terdiri daripada golongan koporat dan profesional yang menyatakan bahawa novel Melayu kini tidak *'insult their intelligence'* (Utusan Malaysia, 2004). Kejayaan Alaf 21 ini telah menempa sejarah apabila berjaya menerbitkan karya-karya kreatif yang pernah diulang cetak sebanyak 10 kali. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah mendapatkan lima judul yang mencapai tahap jualan tertinggi berdasarkan jumlah cetakan. Judul-judul tersebut ialah,

- (1) *Ombak Rindu* oleh Fauziah Ashari – 80,000 cetakan
- (2) *Bicara Hati* oleh Damya Hanna – 60,000 cetakan
- (3) *Tak Semanis Impian* oleh Sharifah Abu Salem – 50,000 cetakan
- (4) *Jendela Hati* oleh Aisya Sofea – 45,000 cetakan
- (5) *Setia Menanti* - 40,000 cetakan

Minat masyarakat negara kita terhadap buku juga boleh kita saksikan apabila pesta buku diadakan di ibu negara sama ada di peringkat nasional mahupun luar negara. Contoh yang terkini ialah Pesta Buku Antarabangsa yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 23 April hingga 2 Mei 2005. Dalam masa lima hari saja ia berlangsung, pesta ini telah menerima kunjungan pelawat seramai 300,000 orang. Oleh itu sasaran Yayasan Pembangunan Buku Negara sebagai penganjur pesta tersebut untuk

mengumpulkan seramai 400,000 orang pelawat tidak sukar untuk dicapai. Pada kebiasaannya pesta buku seperti ini akan menyediakan lebih 500 gerai yang mempamer pelbagai jenis buku oleh penerbit-penerbit dalam dan luar negara. Kehadiran sejumlah 20 penerbit-penerbit luar negara seperti Brunei, Singapura, Lubnan dan Denmark telah memberi peluang untuk peminat-peminat buku membuat pilihan serta mencari apa juga bahan bacaan yang merangkumi pelbagai judul. Kehadiran pelawat yang ramai di pesta-pesta buku telah menunjukkan satu perkembangan yang amat positif terhadap industri perbukuan dan minat itu harus terus dipupuk dan diberi galakan agar hasrat kerajaan membentuk masyarakat berilmu akan tercapai.

Jelasnya usaha kerajaan melalui program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) yang dimulakan melalui Kementerian Pendidikan telah mula menampakkan hasil yang memberansangkan. Namun begitu sesuatu yang sukar dinyatakan kecuali melalui kajian terperinci ialah jenis-jenis pembacaan yang dipilih oleh mereka yang gemar membaca ini. Sememangnya sesuatu yang amat diharapkan seandainya puluhan ribu yang telah mula membaca karya-karya kreatif mula beralih pula kepada karya-karya lebih berat dan serius seperti judul-judul ilmiah. Meskipun ia kelihatan amat sukar kerana hakikatnya genre kreatif ini telah menyediakan kelompok pembaca dan ruang pembacaannya yang tersendiri.

Oleh yang demikian hakikatnya, penerbitan buku ilmiah terpaksa bertarung untuk menakluki kelompok-kelompok pembaca yang di luar daripada golongan pelajar. Golongan pelajar pula diakui membaca hanya untuk tujuan lulus peperiksaan dan bukannya demi menambah ilmu khususnya dalam bidang-bidang profesional. Penerbit-penerbit swasta juga tidak sanggup untuk menjadi penerbit buku ilmiah semata kerana pasaran pembaca yang kecil dan tidak menguntungkan. Dengan itu terjadilah keadaan di mana buku-buku ilmiah hanya di terbitkan oleh penerbit-penerbit universiti dengan kelompok pembaca yang amat terhad. Hamed (2002) menyatakan,

Masalah kekurangan bahan pembacaan untuk pengajian tinggi banyak puncanya. Yang paling besar ialah ketidaksediaan para penerbit untuk melaburkan modal menerbitkan buku berkenaan ekoran pasaran yang terbatas. Daya beli yang rendah di kalangan para pelajar universiti, peruntukan dana untuk pembelian buku perpustakaan yang rendah, masalah fotokopi buku, kos pengeluaran yang tinggi, dan lamanya jangkamasa mendapat pulangan adalah antara alasan yang sering diberikan oleh para penerbit swasta untuk mewajarkan tindakan mereka menerbitkan buku pengajian tinggi.

Fenomena ini turut dirasai Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh dalam usaha mencari penerbit tempatan yang sanggup bekerjasama untuk menerbitkan siri buku ilmiah ini. Dewan Bahasa dan Pustaka dan Utusan Publications & Distributors adalah dua penerbit besar yang akhirnya sanggup untuk menjalin kerjasama atas nama menjalankan tanggungjawab sosial terhadap membangunkan pendidikan negara. Sudah pasti kedua-dua penerbit ini merupakan penerbit yang telah mantap dan mempunyai kedudukan ekonomi



yang teguh dan mampu memberi sumbangan untuk memastikan bahawa program penerbitan siri ini berjaya dilaksanakan.

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd umpamanya merupakan penerbit bumiputera yang telah bertapak dalam bidang penerbitan dan pengedaran buku ini hampir 28 tahun iaitu penerbit bumiputera yang tertua di Malaysia. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. menerbitkan pelbagai jenis kategori buku dari peringkat prasekolah hingga ke universiti dan juga penerbitan umum. Lebih kurang 65 peratus daripada buku terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd berasaskan pendidikan, manakala 35 peratus lagi adalah merupakan bahan bacaan umum merangkumi pelbagai subjek seperti pengurusan, perniagaan, motivasi, agama dan kekeluargaan.

Tidak dinafikan PPPJJ mendapat manfaat daripada sebuah penerbit tempatan yang berwibawa seperti Utusan. Dengan itu PPPJJ dapat meneruskan hasrat untuk memberi tumpuan kepada penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh yang lebih berkualiti dan bersesuaian dengan tahap pendidikan tinggi yang dijalankan.

Dalam usaha meninjau kajian-kajian terdahulu yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji berkaitan dengan bidang pendidikan jarak-jauh ini, satu kesimpulan umum yang penulis dapati ialah terlalu banyak tumpuan diberikan oleh pengkaji terhadap perkembangan teknologi-teknologi moden yang

dimanfaatkan oleh sistem pengajian ini. Antaranya ialah kajian tentang penggunaan media elektronik seperti radio, televisyen, peralatan audio-visual, komputer dan yang terkini penggunaan internet sebagai satu saluran pembelajaran yang luas kesampaiannya. Fenomena ini semakin ketara pada tahun-tahun 1990-an selaras dengan pembangunan teknologi khususnya teknologi maklumat yang dianggap memudahkan lagi proses penyampaian maklumat berlaku.

Berkaitan dengan media dan teknologi yang digunakan dalam pengajaran jarak jauh, Bates (1995) menjelaskan,

Istilah medium adalah satu bentuk komunikasi yang dihubungkan dengan cara-cara tertentu yang digunakan bagi menyampaikan ilmu pengetahuan. Contohnya televisyen sebagai satu medium yang menggunakan berbagai jenis teknologi seperti, satelit, kabel dan pita video.

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Harry, K dan Abdul Khan (2000) telah mengguna pakai senarai teknologi yang dibuat oleh Bates sebagai media pengajaran dalam pendidikan jarak jauh. Penyenaiaan media yang telah beliau buat adalah seperti berikut:

- (vi) pita kaset (audio)
- (vii) pita video
- (viii) pengajaran melalui telefon
- (ix) pembelajaran berasaskan komputer
- (x) televisyen
- (xi) satelit televisyen
- (xii) sistem audio-grafik berasaskan komputer
- (xiii) data pandangan

- (xiv) teleteks
- (xv) disket video
- (xvi) video interaktif kawalan berkomputer
- (xvii) telesidang video
- (xviii) mel elektronik
- (xix) telesidang berkomputer
- (xx) internet
- (xxi) multimedia berasaskan komputer
- (xxii) pengkalan data berinteraktif
- (xxiii) realiti maya

Pembangunan teknologi sememangnya begitu pesat dan telah diterokai oleh pakar-pakar pengajaran jarak jauh. Di sebalik pembangunan teknologi yang disenaraikan itu Harry dan Abdul Khan menyatakan,

Adalah sesuatu yang penting untuk diingati bahawa media pengajaran yang paling asas dalam pembelajaran jarak jauh ialah bahan-bahan bercetak terutamanya dalam bentuk bahan-bahan koresponden yang terancang.

Sememangnya sejak tahun-tahun 50-an lagi persoalan "teknologi manakah yang terbaik (*which is the best technology*)" dalam pengajaran jarak jauh sering diperdebatkan dan menjadi pengkajian para penyelidik. Beberapa hasil kajian yang dibuat menggunakan pendekatan-pendekatan teknologi. Chu and Schramm (1975) telah menjalankan kajian ke atas pembelajaran melalui televisyen dan cuba membandingkannya dengan pembelajaran bersemuka dan mereka berpendapat,

Hasil kajian telah mendapati sebegitu banyak kursus-kursus pengajian jarak jauh yang telah berjaya melalui pengajaran televisyen namun daripada sudut kejayaan pelajar, ia tidak menunjukkan banyak perbezaan jika dibandingkan dengan pengajaran menggunakan kaedah tradisional.

Macken (1976) telah menjalankan kajian ke atas 67 orang pelajar Amerika untuk meninjau keberkesanan pendidikan jarak jauh yang menggunakan teknologi berbanding pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian bersemuka. Kajian yang dijalankan di kolej-kolej dan sekolah-sekolah teknikal telah mendapati tiada perbezaan ketara antara kedua-duanya jika dilihat daripada sudut prestasi pelajar.

Namun Bates (1982) yang menjalankan kajian terhadap penggunaan media audio-visual merumuskan,

Tiada alat pengajaran pengajian jarak jauh yang lebih banyak diberi perhatian melainkan bahan-bahan cetak. Bahan bercetak adalah asas kepada pengajaran jarak jauh dan merupakan asas kepada semua bahan-bahan penghantaran. Kepentingan bahan-bahan bercetak kini masih berterusan dan menjadi lebih besar dalam pengajaran-pembelajaran jarak jauh.

Ternyata para pengkaji tidak juga meminggirkan peranan yang dimainkan oleh media cetak khususnya buku dalam proses pembelajaran jarak jauh. Telah diperakui bahawa buku memiliki kelebihan yang membolehkan proses pembelajaran berjalan dengan lebih berkesan. Kenyataan ini telah diperakui oleh Joganath Mohanty (*ed.*) dalam kertas kerjanya yang bertajuk *Distance Education, Needs, Nature and Media* yang telah menghuraikan kelebihan yang ada dalam penerbitan buku oleh pengajar-pengajar sistem pendidikan ini.

Menurut beliau,

Bahan-bahan pembelajaran jarak jauh pada asasnya didominasi oleh bahan-bahan bercetak. Bahan-bahan itu disediakan dalam format sendiri dan cara yang amat bermotivasi. Bahan-bahan ini disediakan oleh sekumpulan pakar dalam bidang-bidang tertentu yang bekerja erat sebagai satu pasukan. Mereka terdiri daripada penulis-penulis kursus dan penyunting. Dalam menyediakan bahan pengajaran mereka turut dinasihati oleh pakar-pakar teknologi pendidikan.

Sebenarnya perkembangan pesat yang dialami dunia dalam bidang teknologi ini telah dimanfaatkan juga dalam penerbitan buku. Industri penerbitan kini menjadi lebih canggih, cepat, kreatif dan berkualiti dengan adanya penggunaan komputer dalam setiap aspek penerbitan. Jika dahulu penyediaan manuskrip bertulis harus diserahkan kepada pihak penerbit secara "*hardcopy*", kini penulis hanya menyediakan disket atau cakera padat yang telah memudahkan lagi usaha-usaha penerbitan secara berkomputer.

Penyediaan buku teks di PPPJJ juga memanfaatkan perkembangan pesat ini. Setiap perkembangan terkini yang boleh digunapakai khususnya berkaitan dengan perisian-perisian yang boleh digunakan semasa penyediaan Naskhah Sedia Kamera dimanfaatkan oleh para pengatur huruf.

Kesimpulan yang dapat dinyatakan ialah, perkembangan teknologi telah memberi kesan positif dalam penyediaan media pengajaran jarak jauh. Oleh yang demikian dapat dilihat bahawa penerbitan buku misalnya menjadi lebih berkualiti dari setiap sudut khususnya dalam aspek grafik yang semuanya dapat

disediakan selaras dengan pembangunan pesat dalam teknologi pengkomputeran.

## **1.7 Pembahagian Bab**

Keseluruhan perbincangan kajian ini akan dibahagikan kepada lima bab. Bab Pendahuluan merupakan bab pengenalan kepada kajian. Ia akan menjelaskan latar belakang tentang keseluruhan aspek pengkajian serta hasil yang dijangkakan. Bab ini akan memberikan rasional mengapa kajian ini patut dijalankan serta siapakah yang boleh memanfaatkan kajian ini nanti. Di samping itu turut dibincangkan dalam bab ini ialah tentang kaedah-kaedah yang akan digunakan dalam proses pengumpulan data. Metodologi yang telah dipilih untuk kajian ini ialah melalui pemerhatian dan penyertaan pengkaji dan juga dengan cara memperolehi maklumat melalui data sekunder. Satu tinjauan kajian yang lalu berkaitan dengan penerbitan dan kepelbagaian bahan pembelajaran akan turut dibincangkan. Paling penting, bab ini akan menyenaraikan objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini serta keseluruhan penulisan kajian yang meliputi lima bab di bawah tajuk-tajuk bab yang berbeza.

Bab Dua pula akan membincangkan tentang Sejarah dan Latar Belakang Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Bab ini akan dimulakan dengan pengenalan tentang konsep pendidikan jarak jauh serta peranan media dan bahan bercetak khususnya buku dalam pengajian

jarak jauh. Seterusnya penulis akan memperkenalkan secara terperinci sejarah dan latar belakang PPPJJ sebagai institusi yang terulung menawarkan pengajian jarak jauh di peringkat ijazah di negara ini. Penulis akan membawa pembaca mengenali pusat pengajian ini dengan lebih dekat lagi serta meninjau bagaimana rancangan pengajian yang berusia 34 tahun memainkan peranan penting dalam sektor pendidikan negara ke arah melahirkan lebih ramai individu berpendidikan tinggi. Di samping itu pusat pengajian ini telah menjadi contoh bagi institusi-institusi dalam negara yang ingin menawarkan mod pengajian dalam bentuk yang sama. Bab ini akan turut membincangkan perkembangan terkini institusi ini dengan memberi penekanan terhadap tajuk kajian yang dijalankan iaitu penerbitan buku teks oleh institusi ini. Perbincangan dalam bab ini kemudiannya akan menjurus kepada Bahagian Pengeluaran dan Sistem Sokongan yang bertanggungjawab kepada penerbitan bahan pengajaran dan merupakan nadi penggerak kepada keseluruhan sistem pengajian.

Bab Tiga penulisan ini akan membawa judul Penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Pembentangan bab ini akan mengemukakan secara terperinci tentang keseluruhan aspek penerbitan di institusi ini. Perbincangan akan bermula dengan sejarah penerbitan buku-buku teks di sini, proses dan prosedur penerbitan yang dilalui untuk setiap penerbitan, tenaga kerja yang terlibat serta kos pembelian buku yang dilakukan oleh PPPJJ. Penerbitan buku-buku teks di sini telah melalui proses yang panjang serta melalui beberapa pembaharuan dan

A511932402

peningkatan selaras dengan keperluan semasa serta pembaharuan yang dibuat berdasarkan komen-komen dan pandangan-pandangan daripada pelbagai pihak. Pengkaji telah membahagikan penerbitan di PPPJJ kepada tiga kategori berdasarkan kerjasama PPPJJ dengan penerbit-penerbit yang berbeza. Kerjasama penerbitan itu ialah bersama Penerbit Universiti Sains Malaysia, bersama penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka dan bersama penerbit Utusan Publications & Distributors. Pengkaji bukan sahaja akan membentangkan pengalaman yang dilalui oleh PPPJJ malah akan turut membuat perbandingan antara ketiga-tiga penerbit itu. Perbandingan tersebut akan dibentangkan dalam Bab Empat.

Bab Empat akan memperincikan tentang Profil Siri Pendidikan Jarak Jauh. Bab ini merupakan satu analisa terhadap ciri-ciri Siri Pendidikan Jarak Jauh. Penganalisan ditumpukan kepada aspek-aspek fizikal buku yang berbeza di bawah kerjasama penerbitan yang berbeza. Seperti yang dinyatakan terdahulu, pengkaji akan membuat perbandingan daripada beberapa aspek seperti proses, prosedur, kos dan pemasaran.

Bab Lima merupakan bab Kesimpulan. Setelah melihat keseluruhan operasi penerbitan dalam bab-bab yang terdahulu, pengkaji akan membuat huraian daripada maklumat yang telah diperolehi. Pengkaji akan melihat permasalahan yang dihadapi oleh PPPJJ serta cuba memberikan beberapa



cadangan penambahbaikan agar hasrat PPPJJ untuk menambah bilangan terbitan siri ini akan tercapai.